

JCorp: Susun semula aset tetap jamin agenda Bumiputera, bantu kurang hutang
The Malaysian Insider
19 Disember, 2011
Oleh Debra Chong

KUALA LUMPUR, 19 Dis — Langkah Johor Corporation Bhd (JCorp) secara langsung menguasai bisnes berkaitan dengan makanan minggu lalu akan memanfaatkan kepentingan Bumiputera selain mampu mengurangkan beban hutang meskipun bekas ketua pegawai eksekutifnya berpandangan sebaliknya, kata seorang pegawai syarikat itu.

Pegawai terbabit menafikan kenyataan bekas ketua pegawai eksekutif JCorp, Tan Sri Muhammad Ali Hashim yang mendakwa wujud pengaruh luar, yang disifatkan sebagai "tangan-tangan Superman", merampas kuasa pengurusan perbadanan itu, sekali gus menentukan hala tuju yang tidak menentu termasuk memburukkan lagi masalah hutang.

"Ini satu keputusan JCorp. Lembaga memberi persetujuan penuh kepada program penyusunan semula," kata pegawai JCorp kepada The Malaysian Insider.

"JCorp akan mempunyai wang secukupnya bukan sahaja untuk menjelaskan hutang tetapi juga boleh menjana pulangan kepada JCorp secara langsung," kata beliau itu lagi.

Pegawai itu menambah bahawa hutang semasa yang berjumlah RM3.6 bilion adalah lebih rendah berbanding yang direkodkan ketika krisis kewangan Asia 1997/98.

JCorp berganding dengan dana ekuiti persendirian, CVC Capital Partners Asia Pacific (CVC) untuk membeli keseluruhan pegangan syarikat perladangan Kulim Bhd dalam QSR Brands Bhd (QSR) dan KFC Holdings Malaysia Bhd (KFCH).

Sebelum ini, ada beberapa usaha untuk menjual KFCH tetapi kumpulan sayap kiri Perkasa telah membantah keras atas alasan ia harus kekal di tangan Bumiputera.

Pada 2010, dua tawaran dibuat oleh Tan Sri Halim Saad dan Carlyle Group untuk membeli QSR pada harga RM5.60 dan RM6.70 sesaham.

Bagaimanapun kedua-duanya ditolak oleh pengurusan QSR dan syarikat induk Kulim.

Pegawai itu juga menekankan, CVC merupakan rakan kongsi yang baik, yang telah terbukti dapat menambah nilai tambah kepada rakan-rakan kongsi tempatan di Malaysia.

Sehubungan itu, pegawai tersebut menolak dakwaan bahawa JCorp akan dimanipulasi oleh pengaruh luar.

Sebaliknya kata beliau, opsyen penswastaan telah dibangkitkan dalam mesyuarat lembaga awal tahun lalu.

"Dakwaan bahawa agenda Bumiputera akan terhakis menerusi program penswastaan tidak akan berlaku dengan adanya langkah penyusunan semula ini," kata beliau lagi.

JCorp baru-baru ini melantik beberapa muka baru dalam dua syarikat iaitu Kulim dan

Damansara Realty Bhd. Antaranya ialah Datuk Zaki Zahid, yang pernah berkhidmat dalam pentadbiran Abdullah dan Wan Mohd Firdaus Wan Mohd Fuaad, yang merupakan pegawai khas kepada Menteri Besar Johor dan Pengerusi JCorp Datuk Abdul Ghani Othman.

Muhammad Ali, yang mengetuai JCorp selama 28 tahun sehingga Julai tahun lalu semalam berkata "tangan-tangan Superman" itu merupakan antara faktor menyebabkan perancangan asal JCorp melepaskan aset dan bisnes kurang strategik bagi menyelesaikan masalah hutang, yang disediakan oleh pengurusan JCorp, diketepikan.

Dengan merujuk kepada skim penyusunan semula pegangan saham QSR Brands dan KFCH seperti yang sedang diketengahkan kebelakangan ini, yang akan turut menjadikan kedua-dua syarikat terbabit diubah status menjadi syarikat "persendirian", bekas presiden JCorp ini turut mempersoalkan kenyataan Massive Equity minggu lalu.

Meskipun langkah itu adalah baik untuk syarikat rangkaian makanan segera KFCH, Muhammad Ali menambah, skim tersebut akan menambah beban hutang JCorp dan bukan mengurangkannya.

"Ini akan memaksa JCorp menjual aset lain kemudiannya untuk membayar balik hutang yang bertambah besar dan kemungkinan besar melibatkan penjualan pegangan ke atas QSR dan KFCH yang diswastakan kepada pihak ketiga," kata beliau lagi.

Massive Equity menawarkan RM4 bagi setiap unit saham KFCH dan RM6.80 bagi setiap unit saham QSR, melibatkan nilai sejumlah RM3.2 bilion untuk KFCH dan RM2 bilion untuk QSR.

CVC merupakan sebuah firma ekuiti persendirian antarabangsa, menguruskan dana bernilai lebih AS\$44 bilion (RM140 bilion). CVC telah melengkapkan lebih 250 pelaburan yang melibatkan pelbagai jenis industri dan negara manakala CVC Asia Pasifik merupakan salah satu pelabur ekuiti paling aktif di rantau ini dan sedang melaburkan dana khusus untuk Asia bernilai AS\$6.8 bilion (RM21.6 bilion).

Bagaimanapun pegawai yang rapat dengan JCorp memberitahu The Malaysian Insider, JCorp tiada hasrat untuk menjual pegangan utama kerajaan dalam QSR dan KCH.

"Menerusi program penyusunan semula, JCorp akan memegang 51 peratus saham dan CVC hanya 49 peratus. Kesemuanya selari dengan pelan JCorp," katanya.

JCorp memiliki 53 peratus dalam Kulim, yang menguasai 57.5 peratus ekuiti QSR. QSR pula menguasai 50.6 peratus dalam KFCH.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/jcorp-susun-semula-aset-tetap-jamin-agenda-bumiputera-bantu-kurang-hutang/>